

KEGIATAN POLITIK MELAYU TAHUN 1930an*

oleh

MAYMON ARIF

Kesedaran Awal Semangat Kebangsaan Melayu

Kemunculan kesedaran kebangsaan orang Melayu bermula setelah mereka sedar akan lemahnya ekonomi mereka yang disaingi oleh orang asing yang datang mengeksplorasi hasil bumi Tanah Melayu. Kesedaran ini secara kabetulan berlaku pada waktu yang sama dengan kemunculan golongan reformis Islam dalam masyarakat Melayu di awal abad ke 20. Ini berikutan dari pengaruh gerakan pembaharuan Islam seperti Wahabi yang diasaskan pada akhir abad ke-19 di Timur Tengah. Pelajar-pelajar Melayu yang baru balik dari Timur Tengah telah membawa pemikiran baru yang mengatakan kemunduran ekonomi hanya boleh dibaiki dengan ajaran Islam yang betul, khusus mengetahui nilai-nilai pelajaran barat.

Suara-suara ini dilahirkan dalam majalah *Al-Imam* yang diterbitkan di Singapura dalam tahun 1906-1908. *Al-Imam* cuba menjalankan satu kempen yang berani untuk "memandu orang-orang Islam kembali ke jalan yang suci.... menentang dan membasmikan segala perasaan kunu dan kepercayaan yang karut-karut; membentuk pandangan keislaman yang baru sejarah dan seimbang dengan jalan kemajuan yang moden dan akhirnya menumpukan segala tenaga seseorang dengan halal untuk kemajuannya."¹ Salah satu cara yang dikemukakan oleh majalah itu ialah orang Melayu perlu mengatasi sikap tidak peduli dan mempunyai semangat bersatu padu. Tambahannya, segala keperluan itu tidak boleh dapat dicapai sekiranya orang Melayu tidak meneliti ajaran ugama kerana sudah dibuktikan bahawa hanya ugama lah yang mengubati penyakit Melayu.²

Tetapi usia majalah ini tidak lama, hanya tiga tahun. Namun begitu usahanya telah diteruskan oleh akhbar-akhbar lain seperti *Neraca*, *Tunas Melayu* dan *Al-Ikhwan*. Dengan itu pemikiran golongan reformis ini tersebar meluas khas kepada guru-guru sekolah ugama di seluruh Malaya. Mereka yang terlibat ini bukan sahaja terdiri dari pemuda-pemuda Melayu yang melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah, tetapi termasuk juga beberapa individu yang berasal dari Sumatera atau negeri Arab. Kegiatan-kegiatan mereka ini mendapat tentangan hebat dari golongan yang konservatif. Ini telah menyebabkan ujudnya perpecahan

* Makalah ini adalah merupakan Bab I dari tesis penulis yang bertajuk "UMNO Semasa Beribu Pejabat di Perak" yang ditulis bagi memenuhi syarat mendapatkan ijazah kepujian didalam jurusan sejarah UKM, bagi Sessi 1974/75. Makalah ini telah disesuaikan untuk diterbitkan disini.

¹ Radin Soenarno, 'Malay Nationalism 1900-1945', *Journal of Southeast Asian History* Vol. 1, No. 1, Mac. 1960, pp. 7-8.

² W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, University of Malaya Press, Singapore, 1967, p. 56.

orang Melayu kepada dua golongan iaitu Kaum Muda dan Kaum Tua.³ Pehak kerajaan Inggeris pula telah melantik seorang pegawai perhubungan Melayu yang bertugas dengan Polis Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, cawangan peristik politik pada tahun 1923. Tugas pegawai ini mengikut anggapan ramai orang Melayu dan Inggeris ialah bertujuan menyiasat kegiatan Kaum Muda. Ini menunjukkan bagaimana pehak Inggeris merasai perlu mengawasi gerak langkah ini supaya tidak menimbulkan suasana yang menjelaskan kedudukan British.

Kesimpulannya golongan reformis ini berperanan menyedarkan orang Melayu kepada bangsanya tetapi tidak bergiat khusus dalam politik kecuali beberapa orang penuntut dari Universiti Azhar di Kaherah.⁴

Golongan pertama yang menyemai dan meninggikan kesedaran politik secara terbuka ialah dari para lulusan sekolah Melayu.⁵ Sebenarnya tujuan dasar pelajaran Melayu hanya memberi pelajaran asas yang berorientasi kepada pelajaran praktikal sahaja. Sedikit benar anak-anak Melayu dihantar ke sekolah Inggeris yang banyak terdapat dibandar-bandar atau pekan besar sahaja. Untuk mendapatkan guru-guru yang terlatih di sekolah Melayu tersebut, maka maktab perguruan didirikan, mula-mula di Matang Perak, kemudian di Melaka dan akhirnya pada tahun 1922, di dirikan sebuah maktab Tanjung Malim Perak, yang dikenali sebagai Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Maktab ini merupakan sebuah institusi pendidikan aliran Melayu yang memberi pelajaran menengah rendah dan istimewanya ia merupakan maktab aliran Melayu yang bersifat nasional. Ini kerana kebanyakannya para pelajarnya dari anak-anak petani yang dipilih berdasarkan kependaian dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Para pelajar ini, diasuh memikiran diri mereka sebagai satu bangsa Melayu, tidak lagi berdasarkan dari negeri mana mereka datang. Juga terdapat galakkan dari pengetua kolej yang terkenal iaitu O.T. Dussek yang menggalakkan pelajar-pelajarnya mengkaji, menggunakan dan memajukan Bahasa Melayu, kesusastraan dan sejarah.⁶ Usaha ini tidak akan berkesan, sekiranya tidak ada kerjasama dari pihak guru-guru yang mengajar di MPSI itu. Syarahan guru-guru ini turut menyumbangkan peranan menimbulkan kesedaran dikalangan para pelajar tersebut. Kesedaran kebangsaan ini bertambah subur dengan adanya pengaruh dari Indonesia. Oleh kerana penggunaan Bahasa Inggeris pelajar-pelajar lemah, hanya dengan membaca buku-buku Indonesia sama ada dalam bentuk kesusastraan atau politik, dapat memperkaya pengetahuan mereka. Malahan setengah dari pelajar tersebut, pernah dikatakan berhubung dengan ahli pelarian Parti Kominis Indonesia dan ada pula menjadi ahli Parti Nasional Indonesia, dibawah pimpinan Sukarno.⁷

³ Roff, "Kaum Muda—Kaum Tua: Innovation and Reactions Among the Malays 1900-1941", dalam K.G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*, Oxford University Press, Singapore, 1962, p. 164.

⁴ Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, p. 87.

⁵ N.J. Funston, "Malay Politics in Malaysia, 1945-1969: A Case Study of the United Malays National Organization and the Pan Malayan Islamic Party," (M.A. Tesis, Universiti Monash, 1973), p. 16.

⁶ Roff., *op. cit.*, pp. 145-147.

⁷ *Ibid.*, h. 225. Mereka ini ialah termasuk Ibrahim Yaakub, Hassan Manan, Abdul Karim Rashid dan Mohd. Isa Mahmud.

Dipihak yang lain terdapat golongan pelajar-pelajar radikal yang menuntut di Kaherah, bersama dengan pelajar-pelajar Indonesia di situ, melahirkan kesedaran kebangsaan melalui majalah *Seruan Azhar* dan *Pilihan Timur* ditahun 1925-1927. Kedua-dua majalah ini mencerminkan fikiran para pelajar secara terbuka yang mana intisarinya menuntut supaya berakhirnya penjajahan dan bersatu dalam kesatuan Indonesia Raya.⁸

Dari pengaruh yang dinyatakan tadi, jadi tidak menghairankan jika di MPSI terdapat beberapa radikal yang bergerak dibawah tanah diantara tahun 1927-1930.⁹ Ini termasuklah pertubuhan yang sangat dikenali iaitu 'Belia Melayu'. Namun begitu pertubuhan-pertubuhan itu senyap sahaja setelah pemimpin-pemimpin kumpulan ini keluar dari MPSI. Tetapi pemimpin ini kemudiannya telah menubuhkan parti politik yang radikal dipertengahan tahun 1938, riaitu Kesatuan Melayu Muda (KMM).

Disamping itu terdapat juga sebuah institusi pelajaran aliran Inggeris yang terkenal iaitu Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang didirikan pada tahun 1905. Para pelajarnya dipilih khas dari keluarga diraja dan bangsawan. Mereka ini dilatih khas menjadi pegawai pentadbir kerajaan. Maktab ini dari mula lagi cuba memenuhi peranan mengasuh nilai-nilai kepimpinan yang setaraf dengan nilai-nilai barat dengan berdasarkan garis-garis tertentu untuk membentuk peribadi pelajar tersebut. Jadi dasar maktab ini lebih menumpukan perhatian pada soal-soal moral dari pelajaran intelektual.¹⁰ Dengan itu dapat disimpulkan struktur maktab ini sama seperti sekolah bangsawan di England untuk menghasilkan 'a gentlemanly class' dan memanglah wajar maktab ini mendapat jolokan sebagai "Eton di Timur".

Sungguhpun tujuan maktab ini mengeluarkan para pelajar Melayu bersifat keinggerisan tetapi hasilnya tidak seperti mana yang dijangkakan. Mereka juga, seperti pelajar-pelajar dari MPSI, pada asasnya mengalami kesedaran kebangsaan melalui pengalaman belajar dalam sebuah institusi pelajaran yang bersifat kebangsaan. Lebih-lebih lagi, kesedaran ini lebih nyata apabila para lulusan maktab ini menghadapi masaalah-masaalah politik selepas sahaja keluar dari maktab ketika bekerja sebagai ahli birokrat.¹¹ Namun begitu, peranan mereka ini mungkin lebih penting sebagai wakil-wakil ahli tidak resmi di Majlis Mesyuarat Negeri atau Majlis Mesyuarat Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Sungguhpun kuasa mereka terhad, tetapi mereka berani mendesak pihak Inggeris menunaikan janji supaya melatih ramai orang Melayu mentadbir negeri ini dan menyeru supaya kerajaan menyediakan tanah simpanan orang Melayu kerana takut negeri ini akan ditenggelami oleh bangsa asing.¹² Golongan ini dianggap bersikap konservatif.

Tinjauan Kegiatan Persatuan-persatuan Dalam Tahun 1930an

Dalam tahun 1934, telah ditubuhkan Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM).

⁸ *Ibid.*, p. 224.

⁹ I.K. Agastja, *Sedjarah dan Perdjungan di Malaya*, Penerbitan Nusantara, Jogjakarta, 1950, h. 70-76.

¹⁰ Khasnor binti Johan, "The Malay College, Kuala Kangsar 1905-1941," (M.A. Tesis, Universiti Malaya, 1969 Tidak dicetak), p. 224.

¹¹ N.J. Funston, *op. cit.*, p. 19.

¹² *Ibid.*

Ia merupakan sebuah pertubuhan kesusasteraan Melayu berasaskan pada garis yang sama dengan persatuan-persatuan kesusasteraan terdahulu, walaupun pro Kaum Muda. Pentingnya PASPAM dari segi sejarah ialah kerana ia meagadakan beberapa persidangan bersifat kebangsaan iaitu menyatukan para peserta terdiri orang Melayu yang datang dari seluruh Malaya. Di persidangan itu ahli-ahli berpeluang membincangkan masaalah bersama dan mencari penyelesaian masaalah itu. Selepas persidangan pertama di Taiping, Perak pada 11hb. November 1934, bilangan ahlinya bertambah sehingga 12,000 dalam beberapa tahun. Tetapi menjelang tahun 1940, PASPAM menjadi lemah dan berpecah kerana orang Melayu mula mencurigai dan benci terhadap pemimpin PASPAM yang ramai terdiri dari mereka yang berketurunan Arab dan India-Muslim.¹³ Perpecahan ini membayangkan perasaan orang Melayu yang merasai diri mereka tidak selamat dan masih mencari identiti bangsa mereka.

Di Perak, di samping terdapat cawangan PASPAM, juga terdapat persatuan Melayu yang dikenali sebagai Persatuan Melayu Perak (PMPK). Persatuan ini ditubuhkan pada 18hb. September 1937, di mana seramai 104 orang (90% terdiri dari kakitangan kerajaan) menghadiri satu perjumpaan di Dewan Bandaran Ipoh.¹⁴ Dari lapuran *Majlis* dapat dirumuskan tujuan PMPK ialah menggalakkan kerjasama antara ahli, meninggikan taraf pelajaran dan ekonomi, memberi peluang kepada ahli-ahli melahirkan taat setia kepada Great Britain, kerajaan dan raja serta bekerjasama dengan pihak Inggeris demi memajukan kepentingan orang Melayu.¹⁵ Sebuah majalah dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu akan diterbitkan yang mengandungi perkara-perkara yang difikirkan wajar untuk kebaikan orang Melayu. Dalam masyarakat itu, tidak seorang dari golongan raja dan bangsawan hadir. Ini memang sengaja dilakukan kerana PMPK tidak mahu menyentuh kehormatan dan kemuliaan mereka. Perkara ini dijelaskan oleh pengasas persatuan itu, Wan Mohd. Nur bin Wan Nasir dalam ucapan pembukaan, bahawa mesyuarat itu diuntukkan bagi orang-orang kebanyakan yang bertaraf rakyat biasa dan sekiranya dijemput orang besar-besar, hanya mencemar nama mereka.¹⁶

Penyusunan formal persatuan ini mengandungi sebuah lembaga terdiri dari seorang pengurus, timbalan pengurus, dua orang setiausaha dan tujuh belas orang wakil di tiap-tiap daerah. Hampir semua yang dilantik itu berpelajaran Inggeris dan bekerja dengan kerajaan. Mereka yang dilantik ialah:

<i>Yang Dipertua</i>	:	Wan Mohd. Nur bin Wan Nasir
<i>Setiausaha</i>	:	Encik Ali
<i>Setiausaha Penerangan</i>	:	Encik Ladin

Jawatankuasa bertugas mengarang majalah *Malay Organ*:

Cikgu Mol'd. Zain bin Haji Ayub (Ketua)
Cikgu Mohd. Ismail bin Kassim
Cikgu Abd. Hamid Khan
Encik Mohd. Isa ¹⁷

¹³ *Ibid.*, p. 20.

¹⁴ Roff, "Persatuan Melayu Selangor, An Early Malay Political Association", *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 9., No. 1, Mac. 1968, p. 119.

¹⁵ *Majlis*, 22.9.1937.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Roff, "Persatuan Melayu Selangor," *op. cit.*, p. 120.

Mengikut Yang DiPertuanya, sebelum PMPK didaftarkan pada awal tahun 1938, beliau telah dipanggil kepejabat pendaftaran di Pejabat Hal Orang China (Chinese Affairs) untuk menjelaskan mengapa golongan bangsawan tidak diterima menjadi ahli PMPK. Sebenarnya pihak kerajaan mengesyakki PMPK sebagai kongsi gelap atau golongan kiri. Penjelasan beliau seperti dinyatakan terlebih awal tadi, tidak menyakinkan pendaftar berbangsa Inggeris itu. Malahan beliau cuba melemahkan semangat Wan Mohd. Nur dengan mengatakan tidak perlu orang Melayu mengadakan persatuan sebab kehidupan masyarakat Melayu aman dan teratur yang mana sudah ada Raja, Orang Besar dan Penghulu. Akhirnya PMPK terpaksa merombak dasar asalnya.¹⁸ Dengan ini bererti PMPK kini terbuka kepada orang Melayu tidak kira dari golongan bangsawan atau tidak. Namun begitu pihak Inggeris tetap mengecap PMPK sebagai pertubuhan kiri. Oleh itu tentulah sukar PMPK mengadakan kegiatan-kegiatan yang berkesan, melainkan mengadakan jamuan teh dan sebagainya. Jika mereka bertindak terlalu aktif, besar kemungkinan pekerjaan mereka akan hilang nanti. Untuk mengelakkan kecurigaan dari pihak Inggeris, ahli-ahli PMPK menggunakan bahasa Inggeris dalam mesyuarat mereka.

Pada peringkat awal lagi, pemimpin PMPK menjelaskan bahawa badan ini tidak bersangkut paut dengan politik dan ugama. Oleh kerana sikap PMPK sedemikian rupa, maka timbul beberapa kritikan yang disiarkan dalam suratkhabar Melayu. Misalnya lidah pengarang *Majlis* mengkritik. Katanya:

“Kita tak hairan yang PMPK itu tiada akan campuri siasah kerana tak dapat tiada kebanyakannya ahlinya daripada orang kerajaan tetapi tidak mencampuri hal ugama itu ialah satu soal yang kita tak faham sama sekali.”¹⁹

Seorang penulis telah mengkritik PMPK dalam akhbar *Warta Kinta* dan berkata:

“Salah sama sekali, sebab boleh dikatakan seratus peratus ahlinya, orang Melayu yang memeluk ugama Islam menjadi sendi (asas) dari persatuannya . . . berkenaan dengan siasah Persatuan Melayu mesti mengutamakan siasah kerajaan negeri-negeri Melayu ini. Begitu juga penaung kita, kerajaan yang maha adil tidak melarang rakyatnya mendirikan persatuan siasah, asal sahaja persatuan siasah itu yang halal, ertiinya dengan lain perkataan yang tidak mengganggu keamanan negeri dan siasah yang hendak menderhaka kepada kerajaan.”²⁰

Disamping itu, kritikan penggunaan bahasa Inggeris dilemparkan terhadap PMPK. Kecaman-kecaman ini kemudian dijawab oleh seorang penulis yang menamakan dirinya Mim Zai dalam beberapa rencana yang disiarkan dalam suratkhabar *Majlis*. Penggunaan bahasa Inggeris itu, mengikut perkiraannya adalah perlu kerana:

¹⁸ Temuramah dengan Orang Kaya Menteri, Wan Mohd. Nur bin Wan Md. Nasir di rumahnya di Taiping pada 16.8.1974.

¹⁹ *Majlis*, 22.9.1937.

²⁰ *Warta Kinta*, 25.1.1940.

"Masa itu negeri Perak, penduduknya..... takut akan pergerakan kongsi gelap..... tiada berani berhimpun beramai-ramai atau bermuafakat pekerjaan bagi kebajikan am, lebih-lebih lagi memungut wang. Ini takutkan salah tohnhah buta atau fitnah kongsi gelap atau kominis. Lihatlah dalam pergerakan Sahabat Pena di dalam Perak, hingga hari ini pembesar Melayu di Perak masih dalam gelap lagi, yakni masih didalam syak tidak habis-habis lagi kata-nya tentu ada sesuatu pakatan sulit yang tersembunyi disebalik nama Sahabat Pena itu. Jadi pergerakan Sahabat Pena di Perai itu masih dipandang dengan benci dan tidak diperkenankan oleh pembesar-pembesar Melayu di negeri itu..... kerana semuanya pekerjaan Sahabat Pena itu diperbuat dalam bahasa Melayu dan semua perkhabarannya tidak keluar daripada leng-kongan suratkhabar-suratkhabar Melayu semata-mata jadi pergerakan yang begitu besar itu masih didalam gelap dan tidak diketahui atau didengari oleh orang ramai selain dari orang yang membaca suratkhabar Melayu.²¹

Memang benar PMPK berusaha mendapat publisiti dengan menjemput wartawan-wartawan dari suratkhabar Inggeris dan Melayu. Usaha PMPK memang berjaya kerana sebuah majalah *British Malaya*, terbitan 'British Association of Malaya' yang diterbitkan di London telah memberi komenter mengenai PMPK. *British Malaya* menganggap penubuhan persatuan ini merupakan satu perkembangan baru dalam menghapuskan fikiran sempit orang Melayu dan ini akan membina pandangan hidup yang luas dengan menjalankan kegiatan untuk meninggikan taraf hidup.²² Mengikut ramalananya, sekira jejak langkah kegiatan PMPK diikuti, kemungkinan besar orang Melayu membuangkan sikap 'tidak apa' dan memajukan semangat ingin berlumba dalam dunia moden penuh pancaroba dalam ertikata mengikut konsep 'The Survival of the Fittest'.²³

PMPK tidak disukai oleh Sultan Perak sendiri dan Raja Muda pada mula lagi, kerana dasar pertubuhan itu menutup pintu keahliannya kepada kelas atasan. Raja Muda Perak (Raja Abdul Aziz dalam memberi ucapan dalam jamuan teh yang dikelolakan oleh PMPK kerana meraikan Raja Muda yang dianugerahi bintang kebesaran dari Raja Inggeris dalam tahun 1937) mengatakan secara tidak langsung beliau tidak menggalakkan penubuhan persatuan. Ini disebabkan tidak perlu berjuang kerana orang Melayu mendapat layanan baik dari pihak Inggeris. Contohnya, beliau berpendapat tidak ada negeri dalam dunia ini menghaskan kawasan tertentu untuk satu kaum sahaja kecuali orang Melayu di Malaya sahaja yang mempunyai keistimewaan itu.²⁴ Kebetulan pada masa itu, PMPK mengalami perpecahan akibat perselisihan kecil mengenai siapa yang layak memberi ucapan dalam majlis jamuan teh tersebut. Sebenarnya terdapat dua cadangan dimana Dr.

²¹ *Majlis*, 8.10.1973. Walaupun pendapat Mim Zai tidak seratus peratus benar, tetapi pada asasnya kenyataan ini boleh diterima. Ini berdasarkan temuramah dengan Haji Mohd. Zain bin Haji Ayub, dirumahnya di Ipoh pada 14.7.1974. Beliau ialah bekas yang dipertua PASPAM bahagian Perak 1938, dan bergiat aktif dalam PMPK. Juga temuramah dengan C. Abidin di rumahnya di Jelapang Ipoh pada 15.7.1974, dan beliau pernah bergiat dalam Persatuan Driber Melayu Perak, 1934. Kedua-duanya mengatakan pada masa itu di Ipoh khasnya, orang ramai sentiasa dalam ketakutan kerana berlakunya kegiatan kongsi gelap yang berleluasa sehingga kalau berkumpul empat lima orang, maka dituduh menjadi ahli kongsi gelap. Mengenai penggunaan Bahasa Inggeris itu, Haji Mohd. Zain mengakui itu merupakan usaha mencari publisiti dan sememangnya dipanggil wakil akhbar Inggeris kemesuarat itu.

²² *British Malaya*, Vol. 12, Oktober, 1937, p. 138.

²³ *Ibid.*

²⁴ Temuramah dengan Wan Mohd. Nur pada 16.8.1974.

Kassim, salah seorang pengasas PMPK yang berketurunan India-Muslim telah mencadangkan cikgu Jalaluddin yang berasal dari Pulau Pinang, seorang guru Maktab Melayu Kuala Kangsar. Tetapi Yang Dipertua Mohd. Noor mahukan seorang anak Perak jati sedangkan yang dicadangkan adalah orang lain.

Perlantikan orang kedua ini telah mengecilkan hati Dr. Kassim sendiri dan beliau tidak hadir dimajlis tersebut.²⁵ Ujudnya perpecahan ini merupakan salah satu faktor menyebabkan PMPK lemah ketika berusia setahun jagung. Seterusnya pihak Inggeris telah bertindak melemahkan PMPK dengan menukar pemimpin-pemimpinnya keluar dari kawasan Kinta Perak supaya pemimpin-pemimpin tersebut itu terasing dan berjauhan pula. Misalnya Yang Dipertua Wan Mohd. Nur dari Batu Gajah ditukarkan ke Tanjong Malim, Mohd. Ali dari Ipoh ditukarkan ke Rompin, Pahang, Ladin pula ditukarkan ke Kuala Kangsar.²⁶

Setelah dipinda dasar PMPK baharulah diadakan persidangan pada bulan Oktober, 1938 dan jawatankuasa baru disusun semula. Pada kali ini, seorang dari golongan bangsawan telah dilantik menjadi Yang Dipertua iaitu Toh Muda Panglima Kinta Cik Tak juga seorang pegawai polis yang pernah menuntut di England.

Jejak langkah PMPK ini menjadi contoh pada orang-orang Melayu di negeri lain, yang kemudian telah menubuhkan persatuan-persatuan masing-masing. Pemimpin-pemimpin di negeri Pahang telah lebih dulu menubuhkan Persatuan Melayu Pahang (PMPG) pada bulan Mac, 1938. Berbeda sedikit PMPG ini dengan PMPK, dimana pengasasnya ramai terdiri dari golongan bangsawan dan raja, seperti Dato' Hussain bin Md. Taib dan Tengku Mohamad bin Sultan Ahmad.²⁷ Keadaan ini telah menimbulkan kerisauan dikalangan orang bukan Melayu, misalnya yang dilahirkan oleh penulis suratkhabar Inggeris yang mempercayai golongan ini akan menghalang kemajuan negeri Pahang.²⁸ Ramalan golongan ini tidak benar sama sekali kerana kegiatan PMPG adalah terbatas dan tidak pula menentang Inggeris. Ini diketahui melalui ucapan Tengku Mohamed ketika mengadakan mesyuarat jawatankuasa ke empat pada 29hb. Mei 1939. Beliau berkata:

"Kita jangan salah faham diatas tujuan persatuan kita ini bahawa persatuan kita hendak melawan atau menderhaka kerajaan, melainkan hendak bekerjasama, menyambungkan pelajaran belia-belia Melayu yang berkelayakan dan menambahkan ahli sehingga lima enam ribu..... supaya dapat iktiraf kerajaan."²⁹

Tiga bulan kemudian, baharulah Persatuan Melayu Selangor (PMS) ditubuh-

²⁵ Temuramah dengan Wan Mohd. Nur pada 16.8.1974.

²⁶ Majlis, 1.2.1946.

²⁷ Dato' Hussain, selain memegang jawatan MCS juga salah seorang Orang Kaya Besar Berempat, bergelar Orang Kaya Indera Syahbandar. Tengku Mohamad pula ialah bapa saudara Sultan Pahang sendiri.

²⁸ Untuk mengetahui lebih lanjut, sila lihat Roff, "Persatuan Melayu Selangor," *op. cit.*, p. 121.

²⁹ Utusan Melayu, 1.6.1939. Pada masa itu ahli PMPG bertambah 384 orang dalam masa tiga bulan.

kan di Kuala Lumpur. Ramai daripada pengasasnya terdiri dari golongan raja,³⁰ dan pengasasnya yang terpenting ialah Tengku Ismail bin Tengku Mohd. Yasin yang berasal dari Negeri Sembilan. Sambutan orang Melayu keatas penubuhan PMS sangat memuaskan kerana pehak penaja persatuan hanya menjemput 300 orang, tetapi yang hadir lebih 400 orang dan sambutan bayaran yuran begitu baik. Sejumlah \$108 wang terkumpul dan ini bererti 108 orang yang menjelaskan yuran dan ini merupakan perkara istimewa sebab pada umumnya ahli-ahli dari mana-mana persatuan pada masa itu amat sedikit menjelaskan yuran mereka.³¹

Persatuan ini pada umumnya tidak begitu aktif khusus dalam lapangan politik. Mohd. Yunus Hamidi telah melapurkan:

“Kegiatan-kegiatan PMS terhad kepada membuat rayuan-rayuan kepada pihak kerajaan, bukanlah secara desak mendesak, bida membidas terhadap kerajaan seperti berlaku sekarang kerana pada masa itu pentadbiran Tanah Melayu ini ialah secara penjajahan, jika lau tersalah cakap atau terkeras sedikit, kita akan dicap dengan cap kominis atau dicap dengan Kaum Muda jika kita berani memperkatakan ayat-ayat Quran dan akan berakibat dengan memasuki tahanan.”³²

Namun begitu terdapat juga kegiatan-kegiatan PMS yang dianggap penting ialah menentang dasar tanah simpanan orang Melayu, menuntut askar Melayu diperbesarkan menjadi 10,000 orang dan menyekat kemasukan orang asing.

Badan-badan ‘quasi-politik’ seperti ini telah juga ditubuhkan di Negeri Sembilan dan di Seberang Perai pada tahun 1939. Di Pulau Pinang dan di Melaka, tertubuh juga persatuan-persatuan yang sama seperti yang ditubuhkan di Singapura pada tahun 1926 dahulu.

Oleh kerana tujuan-tujuan persatuan tersebut begitu sederhana menyebabkan muncul satu golongan radikal yang tidak dapat menerima pertubuhan-pertubuhan seperti yang ada di Perak dan lain-lain negeri. Mereka ini telah bertindak menubuhkan satu kesatuan bercorak kiri, yang mana lebih dikenali sebagai KMM. Ia ditubuhkan dalam pertengahan tahun 1938 dan diterima pendaftarannya dua tahun kemudian. Kebanyakan daripada ahli jawatankuasa dan ahlinya terdiri dari golongan guru dan wartawan. Ini bererti pemimpinnya bukanlah terdiri dari orang pilihan kerajaan tetapi mereka muncul kerana daya usaha sendiri. Sebenarnya sebilangan kecil yang menjadi pemimpin KMM telah pernah bergiat bersama-sama menujuhan ‘Belia Malaya’ di MPSI di tahun 1930 dahulu. Mereka ini ialah Ibrahim Yaacob, Hassan Manan, Abdul Karim Rashid dan Isa Mohamad.

Walau bagaimanapun pemimpin KMM telah berjaya menarik beberapa orang dari golongan aristokrat hadir dalam perjumpaan mereka yang pertama.³³ KMM

³⁰ Misalnya, Raja Yaakob bin Raja Alang, Raja Bon bin Raja Yahya, Raja Uda bin Raja Ahmad yang kemudian menarik diri disebabkan ia seorang pegawai tinggi kerajaan. Md. Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1961 (?), h. 1-2.

³¹ Majlis, 6.6.1938.

³² Md. Yunus Hamidi, *op. cit.*, j. 4.

³³ Golongan aristokrat yang dimaksudkan ini ialah seperti Raja Kamarulzaman bin Raja Mansur, Dato' Hamzah bin Abdullah, Dato' Hussain bin Mohd. Taib dan lain-lain lagi. Dipetik dari Nabir bin Haji Abdullah, “Maahad Il Ihya Assyariff Gunong Semanggol 1934-1956,” (B.A. Tesis, Universiti Kebangsaan, Kuala Lumpur, 1973), h. 97.

ini merupakan satu kesatuan yang tidak mengakui taat setia kepada kerajaan Inggeris dan menganut dasar tidak bekerjasama dengan pihak British. Perjuangan mereka ini dipengaruhi dari perkembangan nasionalisme Indonesia dan bertujuan untuk kemerdekaan Malaya dan bersatu dengan Indonesia. Mengikut pemimpin KMM, Ibrahim Yaakob menganggap persatuan-persatuan yang berperlembagaan itu (yang bekerjasama dengan kerajaan) sebagai pergerakan fiudal, dipimpin oleh kaum intelek borjuis yang mementingkan puak kapitalis semata-mata. Bahkan dengan tegas beliau sendiri menganggap pembesar-pembesar Melayu telah menjual Tanah Melayu kepada Inggeris.³⁴

Pada kesimpulannya, KMMlah merupakan pertubuhan Melayu yang pertama menuntut kemerdekaan. Salah satu cara untuk mencapai matlamat ini ialah berhubung dan bekerjasama dengan kerajaan Jepun sebelum mereka menyerang Malaya. Selama tiga tahun (1938-1941), KMM bergerak menumpukan perhatian bagi mempengaruhi ramai ahli. Mengenai kegiatan lain tidak jelas diketahui kerana badan ini disyaki oleh kerajaan Inggeris, jadi KMM tidak berani bergerak secara terbuka.

Sehingga 1940, memang sedikit benar kemajuan politik perjuangan orang Melayu yang telah dicapai sejak tahun 1926. Walau bagaimanapun dengan adanya persatuan-persatuan tersebut, menunjukkan orang Melayu ingin berpolitik, sudah sedar bahawa untung nasib bangsanya terletak di atas perjuangan dan perpaduan. Suasana keadaan ini dapat difahamkan dari rencana pengarang akhbar *Free Press* bertarikh 22hb. Mac, 1938.

“Orang-orang Melayu sudah sedar dari tidurnya. Mereka sedar akan kesulitan-kesulitan pengaruh barat yang mereka terpaksa hadapi. Mereka juga sedar untuk menentang ancaman bangsa asing, mereka mesti berpadu bagi dirinya sendiri dan anak cucunya nanti.”³⁵

Lahir dari kesedaran inilah maka atas daya usaha Persatuan Melayu Selangor dan Kesatuan Melayu Singapura, telah mengadakan Kongres Melayu SeMalaya pada 9hb. Ogos 1939 di Kuala Lumpur. Sebanyak tujuh buah persatuan mengambil bahagian dalam kongres ini, termasuk PMPK. Perkara yang penting di bincangkan ialah mengenai takrif Melayu dan bagaimana memajukan persatuan-persatuan Melayu ini.

Kongres kedua diadakan setahun kemudian dirumah Persekutuan Guru Melayu Singapura pada 25-26hb. Disember 1940. Pada kali ini bilangan persatuan yang mengambil bahagian itu lebih besar dari tahun 1939, iaitu bertambah empat persatuan (Persatuan Melayu Sarawak, Persatuan Melayu Brunei, Kesatuan Melayu Melaka, Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan dan Kesatuan Melayu Johor sebagai pemerhati sahaja). Seramai 41 orang wakil termasuk tujuh orang kaum ibu telah hadir. Sebanyak 20 usul yang akan dikemukakan.³⁶ Setelah

³⁴ Ibrahim Yaakub, *Sekitar Malaya Merdeka*, Jakarta, Ogos, 1957, h. 24.

³⁵ *Free Press*, 22.3.1938.

³⁶ *Majlis*, 26.12.1940.

selesai bersidang selama dua hari, kongres meluluskan lima ketetapan. Resolusi-resolusi ini ialah:

1. Cukai pendapatan tidak patut dikenakan keatas negeri-negeri Melayu yang berbeda dengan Negeri-negeri Selat.
2. Kerajaan patut mengambil orang Melayu bagi menyertai sebarang misi atau delegasi yang dihantar dari Malaya. Ini timbul kerana ketidakpuasan disebabkan orang Melayu tidak diwakili langsung dalam Misi Ahearne dan Delegasi Kumpulan Timur Jauh ke New Delhi.
3. Mendesak kerajaan menubuhkan jawatan Penolong Pengarah Pelajaran khas untuk orang Melayu.
4. Mencari jalan dan cara untuk mananamkan semangat bersatu padu dan semangat kebangsaan Melayu.
5. Mencari cara dan jalan untuk membantu kerajaan Inggeris dalam Perang Dunia Kedua.³⁷

Jadi sebuah jawatankuasa telah dilantik bagi mengumpulkan wang dengan mengadakan loteri dan diharap dengan wang tersebut dapatlah membeli kapal terbang 'Spit fire'. Dari usaha ini jelas menunjukkan sikap atau semangat kesedaran orang Melayu pada umumnya tidak ditujukan pada imperialism barat. Ini mungkin persatuan-persatuan tersebut berorientasi barat yang ramai pemimpinnya mendapat pelajaran Inggeris.

Kongres yang ketiga pula sepatautnya diadakan pada hari Krismas tahun 1941 di Ipoh, tetapi ini tidak dapat dilaksanakan kerana Jepun telah menyerang Malaya. Jadi persatuan-persatuan ini terpaksa tidur dan tidak menjalankan sebarang kegiatan. Berlainan pula dengan KMM yang terus bergiat dalam pendudukan Jepun. Mereka telah bekerjasama dengan pihak Jepun dan dipihak lain berhubung dengan Malayan People Anti-Japanese Association (MPAJA). Dengan itu anggota KMM dapat menyandang jawatan-jawatan politik dalam pentadbiran tentera Jepun.³⁸ KMM itu tidak kekal lama oleh kerana pihak Jepun mengetahui KMM telah berhubung dengan Parti Komunis Tanah Melayu (PKM).³⁹ Ini menyebabkan pihak Jepun mengharamkan KMM pada bulan Jun, 1942. Tetapi pemimpin-pemimpin KMM tidak pula ditangkap, sebaliknya mereka dibenarkan menguasai Pembela Tanahair (PETA), sebuah pertubuhan ketenteraan yang ditubuhkan oleh pehak Jepun.⁴⁰

Pemimpin-pemimpin KMM terus berusaha sehingga terbentuk Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) pada 29hb. Julai 1945. KRIS akan berjuang untuk mencapai kemerdekaan Indonesia — Tanah Melayu dan ianya mendapat sokongan dari pihak Jepun. Malangnya penyerahan Indonesia kepada anak negeri oleh Jepun dibuat secara mengejut menyebabkan pemimpin KRIS tidak bersedia menerima kemerdekaan Malaya iaitu lebih awal dua puluh empat jam sahaja. Jadi matlamat KRIS telah gagal.

³⁷ *Straits Times*, 21.1.1948.

³⁸ Zainal Abidin b. Abd. Wahid, (ed), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971, h. 114.

³⁹ Radin Soenarno, "Nasionalisma Melayu Hingga 1948", *Bahasa*, Jilid 2, Bil. 2, Mac 1959, University of Singapore, h. 46.

⁴⁰ Zainal Abidin, *op. cit.*, h. 115.